

10 NOV 1999

TONGKAH-PERTUMBUHAN

TONGKAH RAMALKAN PENDAPATAN MENINGKAT DALAM TEMPOH TIGA BULAN

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Tongkah Holdings Bhd dijangka mencatatkan pertumbuhan positif untuk prestasi kewangannya dalam tempoh tiga bulan akan datang, kata pengerusinya, Mokhzani Mahathir.

Sehubungan dengan itu juga, ia (pertumbuhan positif) akan meletakkan syarikat kembali meraih keuntungan tahun ini, kata beliau pada persidangan akhbar selepas mesyuarat agung tahunan syarikat yang diadakan di sini hari ini.

Beliau menambah, keuntungan yang dibuat oleh syarikat-syarikat dalam kumpulan diharap dapat mengurangkan kerugian yang dialami pada tahun kewangan sebelumnya.

Mokhzani berkata prospek pertumbuhan akan disumbangkan oleh aktiviti-aktiviti kumpulan, terutamanya pengeluaran dan penjagaan kesihatan seiringan dengan sentimen pasaran yang kian pulih.

Dalam tahun kewangan sebelumnya yang berakhir pada 30 Jun, 1999, kumpulan itu mencatatkan kerugian sebelum cukai RM100.687 juta berbanding keuntungan sebelum cukai RM549,960 dalam tahun 1998, manakala jumlah dagangan merosot kepada RM431.660 juta daripada RM608.243 juta.

Sementara itu, pada mesyuarat agung tahunan syarikat penjagaan kesihatannya, Pantai Holdings Bhd yang telah diadakan terdahulu, Mokhzani sebagai pengerusi eksekutif berkata syarikat tiada rancangan untuk memiliki lebih banyak hospital.

Buat masa ini, Pantai Holdings mempunyai enam pusat perubatan yang stabil.

Mengulas mengenai arah haluan Pantai, beliau berkata syarikat itu akan muncul sebagai sebuah syarikat yang lebih memberi fokus kepada industri penjagaan kesihatan selain daripada mengekalkan minat dalam pelbagai bidang untuk pelaburan-pelaburan lain.

Kepelbagaian ini, tambah beliau, akan membolehkan kumpulan ini mengatasi sebarang masalah sekiranya krisis ekonomi berulang lagi di masa depan.

Pada tahun kewangan berakhir 30 Jun, 1999, syarikat mencatatkan kerugian sebelum cukai sebanyak RM70.432 juta berbanding dengan keuntungan sebelum cukai RM250.902 juta dalam tahun 1998 manakala jumlah dagangan pula jatuh kepada RM116.053 juta berbanding RM162.101 tahun sebelumnya.

-- BERNAMA

MFZ AA MA